



**TEKS UCAPAN OLEH**

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**  
**MENTERI KANAN**  
**KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

**BERSEMPENA**  
**SAMBUTAN HARI INTEGRITI TAHUN 2021**

**PADA**  
**12 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)**

**BERTEMPAT DI**  
**BILIK TANJUNG,**  
**TINGKAT 6, BLOK A,**  
**KOMPLEKS KERJA RAYA**

## **PENDAHULUAN**

### **1. BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya jua, maka kita dapat bersama-sama pada hari ini untuk meraikan Sambutan Hari Integriti Tahun 2021 di peringkat Kementerian Kerja Raya.
2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Unit Integriti, Kementerian Kerja Raya selaku penganjur majlis serta semua Bahagian, Unit, Jabatan dan Agensi yang terlibat serta bekerjasama untuk menjayakan majlis pada hari ini.

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

3. Kita sedia maklum bahawa mulai 11 Oktober yang lalu, Kerajaan telah membenarkan pergerakan rentas negeri bagi individu yang telah lengkap divaksinasi. Sehubungan itu, saya mengingatkan semua warga KKR untuk sama-sama meningkatkan kawalan sendiri dan menjaga keselamatan diri kita serta persekitaran, dengan mengamalkan penilaian sendiri TRIIS (*Test, Report, Isolate, Inform & Seek*).

## KONSEP KELUARGA MALAYSIA

### Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

4. Pada bulan Ogos yang lepas, YAB Perdana Menteri telah memperkenalkan idea **Keluarga Malaysia** yang berkonsepkan:
  - (i) melindungi, membantu dan **menjaga maruah keluarga**;
  - (ii) tidak akan membiarkan keluarga susah;
  - (iii) ahli keluarga perlulah dilayan seperti keluarga; dan
  - (iv) keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.
  
5. Berdasarkan konsep tersebut, setiap dari kita merupakan ahli keluarga yang perlu memahami akan situasi ekonomi dan sosial kesan daripada pandemik COVID-19, yang memerlukan kita bersama-sama berjuang sebagai sebuah keluarga, membantu negara ke arah pemulihan.
  
6. Kita sedang berdepan situasi mencabar ke arah memulihkan semula sektor ekonomi dan sosial serta kelangsungan hidup rakyat yang terkesan akibat penularan COVID-19. Dalam hal ini, kita tidak seharusnya berkompromi atau memberi ruang kepada mana-mana pihak yang hendak mengambil kesempatan daripada penderitaan dan kesusahan rakyat.
  
7. **“PELIHARA MARUAH KELUARGA MALAYSIA DENGAN INTEGRITI”** merupakan tema yang dipilih oleh KKR bersempena sambutan Hari Integriti pada tahun ini. Tema ini adalah bersandarkan kepada realiti bahawa kita di Kementerian Kerja Raya merupakan sebahagian daripada keluarga besar Malaysia dan perlulah bersama-

sama memelihara **maruah keluarga dengan penuh berintegriti**. Untuk itu, semua warga KKR hendaklah:

- (i) sentiasa berintegriti, bertanggungjawab dan profesional dalam melaksanakan amanah dan tugas seharian;
- (ii) menolak dan mencegah sebarang perlakuan yang boleh mencemarkan maruah seperti penipuan, rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa;
- (iii) bersama-sama menyemai benih integriti di dalam pelaksanaan program-program Kementerian; dan
- (iv) memberi contoh integriti yang baik berasaskan kepimpinan melalui teladan.

## **PENGURUSAN INTEGRITI**

### **Hadiri Yang Dihormati Sekalian,**

- 8. Dalam kita menjalankan amanah dan tanggungjawab di Kementerian Kerja Raya, kita amat terdedah kepada tohmahan, fitnah mahupun aduan yang membolehkan kita untuk disiasat pada bila-bila masa sahaja, tidak kira sama ada kita masih berkhidmat atau bila mana kita telah meninggalkan perkhidmatan kelak.
- 9. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk sentiasa mengingatkan semua warga KKR, termasuklah diri saya supaya menghayati dasar-dasar sedia ada Kerajaan, memahami aspirasi dan ekspektasi **Keluarga Malaysia**, mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan serta memastikan program-program dan projek-projek yang telah dirangka dapat dilaksanakan dengan jayanya.

10. Sekiranya ada dalam kalangan kita yang mendapati terdapat kelemahan berhubung prosedur-prosedur sedia ada yang mana memerlukan penilaian semula dan penambahbaikan, perkara ini perlulah kita berikan perhatian yang khusus agar ianya tidak menjejaskan perkhidmatan yang diberikan kepada **Keluarga Malaysia**.
11. Selain itu, kita juga perlu sentiasa peka dan mengubah mentaliti **tidak ambil peduli** atau takut dikatakan **penyibuk** atau **menjaga tepi kain orang** kepada mentaliti **ambil peduli** agar apa jua kemudaratan yang berlaku dapat ditangani seawal mungkin. *Apalah erti sebuah keluarga sekiranya tidak mengambil peduli akan ahli keluarga yang lain?* Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memberikan maklumat kepada pihak berkuasa sekiranya berlaku rasuah dan penyelewengan di sekitar kita.
12. Pada tahun lalu, Kementerian telah melancarkan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP), Kementerian Kerja Raya (KKR) 2021-2025 yang melibatkan 32 inisiatif bagi sepanjang tempoh 5 tahun. Saya amat berharap agar semua inisiatif-inisiatif di bawah kerangka OACP ini dapat diteruskan seperti mana yang telah dirancang serta dapat memberikan impak yang baik kepada **Keluarga Malaysia** yang kita sayangi.

## PELANCARAN E-BOOKLET INTEGRITI KKR

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

13. Pepatah ada mengatakan '*A journey of a thousand miles begins with a single step*'. Bersempena dengan sambutan Hari Integriti ini, sukacita saya melancarkan empat (4) *e-booklet* Integriti KKR iaitu:
- i. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat;
  - ii. Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah, Tajaan dan Sumbangan;
  - iii. Panduan Pengurusan Tatatertib; dan
  - iv. Panduan Integriti: Buat dan Elak.

Polisi dan panduan yang telah dirangka ini adalah merupakan komitmen secara kolektif Kementerian untuk meningkatkan aspek tadbir urus (governans), kawalan dalaman, penghayatan dan amalan berintegriti khususnya dalam kalangan warga Kementerian Kerja Raya serta Jabatan dan agensi di bawahnya.

14. Justeru itu, penerbitan polisi dan panduan ini hendaklah kita jadikan sebagai titik tolak bagi Kementerian Kerja Raya serta Jabatan dan agensi di bawahnya untuk menambahbaik dan mengukuhkan fungsi perkhidmatan ke tahap yang lebih baik seiring dengan perubahan masa dan turut memperbaiki CPI (*Corruption Perception Index*) negara di mata dunia.

## **PENUTUP**

**Hadiri Yang Dihormati Sekalian,**

15. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengucapkan setinggi – tinggi tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan *e-booklet* integriti KKR serta menjayakan program pada hari ini.
  
16. Dengan lafaz Bismillahhirahmannirahim, saya merasmikan Sambutan Hari Integriti Peringkat Kementerian Kerja Raya Tahun 2021 .

Wabillahi taufiq walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih